



Rujukan kami : JKSP.600 - 1/3/2 (66)

Tarikh : 03 Januari 2022

29 Jamadilawwal 1443H

Yang Arif Hakim– Hakim Mahkamah Tinggi Syariah

Semua Hakim Mahkamah Rendah Syariah

Pendaftar dan semua Penolong Pendaftar

Yang Arif/Tuan/Puan,

**PEKELILING KETUA HAKIM SYARIE BILANGAN 2 TAHUN 2022
PELAKSANAAN SERAHAN SAMAN SECARA POS BERDAFTAR (AR
REGISTERED) BAGI KES MAL DAN JENAYAH**

Saya ingin menarik perhatian Yang Arif Hakim Syarie, Tuan-Tuan Hakim, Pendaftar dan semua Penolong Pendaftar kepada keputusan Muzakarah Pegawai-Pegawai Syariah bilangan 2 Tahun 2021 pada 03 Disember 2021 telah bersetuju dan mengesahkan untuk menerima pakai arahan berhubung pelaksanaan penyampaian saman secara Pos Berdaftar (Ar Registered) seperti berikut:

1. Prosiding Mal
 - i. Pelaksanaan saman bagi prosiding Mal hendaklah tertakluk kepada peruntukan yang terkandung dalam Enakmen Tatacara Mal Mahkamah Syariah (Negeri Pulau Pinang) 2004.
 - ii. Apabila pelaksanaan saman secara kediri tidak dapat disampaikan kepada orang yang kepadanya saman hendak disampaikan, penyampaian saman itu bolehlah dibuat secara Pos Berdaftar (Ar Registered).

...2/-




Rujukan kami : JKSP.600 - 1/3/2 (66)

2. Prosiding Jenayah

- i. Pelaksanaan saman bagi prosiding Jenayah hendaklah tertakluk kepada peruntukan yang terkandung dalam Enakmen Tatacara Jenayah Syariah (Negeri Pulau Pinang) 2004.
- ii. Apabila penyerahan saman tidak dapat disampaikan kepada orang yang hendak disaman itu sendiri, penyampaian saman itu bolehlah dibuat secara Pos Berdaftar (Ar Registered).

3. Pelaksanaan saman secara Pos Berdaftar (Ar Registered) hendaklah mengikut garis panduan yang telah ditetapkan dalam Pekeliling Ketua Hakim Syariah Bilangan 3 Tahun 2019.

Arahan ini berkuat kuasa mulai 03 Januari 2022.


(DATO' MUHAMAD ABDUL KARIM BIN WAHAB)
Ketua Hakim Syariah
Jabatan Kehakiman Syariah
Negeri Pulau Pinang